

24 OKTOBER 2017

7 pengedar dadah ditahan dalam 4 serbuan

7 pengedar dadah ditahan dalam 4 serbuan

KUALA LUMPUR 23 Okt. - Polis merampas sejumlah dadah beserta wang tunai dan sebuah kereta bernilai hampir RM300,000 dalam empat serbuan sejak Khamis hingga Sabtu lalu di sekitar ibu negara.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Adnan Azizon berkata, sebanyak tujuh suspek termasuk dua wanita turut ditahan dalam serbuan berkenaan.

"Dalam serbuan pertama pada Khamis lalu, kita menahan seorang lelaki berusia 27 tahun di sebuah

hotel di Jalan Metro Pudu 2, dekat sini. Hasil pemeriksaan menemukan dua paket plastik berisi ketulan dan serbuk disyaki methamphetamine seberat lebih 50 gram bernilai RM6,800.

"Sementara itu, dalam serbuan kedua pada Jumaat, dua lelaki berusia 46 dan 58 tahun ditahan bersama tiga paket plastik mengandungi 1,000 pil pelbagai warna dan berlogo disyaki ekstasi yang dianggarkan bernilai RM30,000 serta wang tunai RM1,000," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Menurut Adnan, susulan dari-

pada serbuan berkenaan, pihaknya menahan dua lagi individu termasuk seorang wanita berusia 50 tahun di sebuah unit kondominium di Jalan Kuchai Lama yang turut menemukan wang tunai berjumlah RM147,000 dipercayai hasil kegiatan pengedaran dadah.

Ujarnya, keesokan harinya, pihaknya menahan dua lagi suspek lelaki dan perempuan masing-masing berusia 29 dan 36 tahun di sebuah hotel di Jalan Kepong, di sini sebelum merampas 200 biji pil disyaki erimin 5 dan satu paket dadah dipercayai ketamin.